

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 JUN 2014 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	3,000 pengunjung meriahkan Karnival Sekolah BSN 2014	Mingguan Malaysia
2.	Malaysia mission concludes 2014 BIO Convention with 7 collaborations	BERNAMA
3.	Ancaman El Nino	Mingguan Malaysia

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 21
TARIKH : 29 JUN 2014 (AHAD)

3,000 pengunjung meriahkan Karnival Sekolah BSN 2014

MELAKA 28 Jun - Penganjuran Karnival Sekolah-Bank Simpanan Nasional (BSN) di Sekolah Kebangsaan (SK) Tangga Batu di sini hari ini mendapat sambutan amat membarangsangkan dengan dihadiri lebih 3,000 pengunjung.

Karnival kali keempat pada tahun ini yang dijayakan BSN di Melaka merupakan antara yang paling meriah dengan kehadiran murid serta ibu bapa dan masyarakat setempat di sekitar Parlimen Tangga Batu.

Pengarah BSN negeri, Roslin Marjumin berkata, karnival itu yang juga merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat kewangan itu diadakan sebagai inisiatif membantu pihak sekolah meningkatkan dana melalui jualan amal serta aktiviti yang diadakan.

Menurutnya, penganjuran karnival itu juga bertujuan memperkasakan tabiat menabung sejak usia muda dalam kalangan murid melalui kelab penyimpanan BSN, Kelab Penabung Muda dan Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP).

"BSN sentiasa memberi penekanan untuk mendidik anak-anak memahami kepentingan menyimpan dan berjimat cermat dan skim

yang disediakan merupakan platform terbaik bagi menyimpan dengan pelbagai faedah termasuk dividen, insurans dan hadiah lumayan," katanya ketika ditemui di karnival itu di sini hari ini.

Program yang bermula pada pukul 8 pagi itu dirasmikan **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang juga Ahli Parlimen Tangga Batu, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.**

Yang turut hadir, Guru Besar sekolah, Nasir Omar; Guru Penolong Kanan (GPK) Pentadbiran, Md. Sharif Dol; GPK Hal Ehwal Murid, Janna Daud dan GPK Kokurikulum, Maimunah Sulaiman.

Kata Roslin, pihaknya turut menyumbangkan RM10,000 kepada sekolah yang dipilih menganjurkan karnival tersebut di mana RM5,000 digunakan bagi pelaksanaan karnival sementara selebihnya sebagai hadiah pertandingan bakat dan warna yang dibuka kepada 50 peserta dari seluruh Parlimen.

Sementara itu, Md. Sharif memberitahu, pihak sekolah amat berbangga kerana dipilih oleh BSN untuk menganjurkan program yang begitu bermanfaat kepada seluruh

warga sekolah serta masyarakat setempat itu.

Katanya, dia yakin banyak lagi sekolah turut berminat menganjurkan program serupa yang dilihat memberi faedah berguna kepada murid-murid khususnya meningkatkan tabiat menabung di kalangan mereka.

"Penganjuran program seperti ini juga mampu memeriahkan acara yang diadakan dengan melibatkan banyak pihak yang sama-sama menjayakannya termasuk murid, ibu bapa, agensi swasta serta masyarakat malah selari dengan seruan Kementerian untuk mendekatkan pihak sekolah dengan pihak luar," jelasnya.

Sempena karnival itu, pelbagai acara menarik disusun termasuk aktiviti jualan melibatkan 43 buah gerai, pertandingan bakat dan warna, sukaneka, permainan interaktif keluarga serta cabutan bertuah oleh BSN.

Selain itu, beberapa agensi turut mengadakan pameran sempena karnival termasuk Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Kesihatan serta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).



ABU Bakar Mohamad Diah (kanan) diiringi Roslin Marjumin (bertopi) melihat hasil kerja murid-murid yang menyertai pertandingan mewarna sempena Karnival Sekolah-BSN 2014 di SK Tangga Batu, Sungai Udang, Melaka, semalam. - MINGGUAN/GAIE UCHEL

**KERATAN AKHBAR
BERNAMA.COM
TARIKH : 29 JUN 2014 (AHAD)**



Malaysian Mission Concludes 2014 BIO Convention With 7 Collaborations

KUALA LUMPUR, June 29 (Bernama) -- The Malaysian bio-trade and investment mission in conjunction with the 2014 BIO International Convention in San Diego resulted in seven exchanges of documents for collaboration in the biomedical and wellness industry.

A statement released by the **Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp)** today said the first exchange of documents was between Algae International Bhd (AIB) and Nutrigae to develop mutually beneficial programmes/projects to generate algae related products.

The second exchange was between Sengenics Sdn Bhd and CollabRx Inc to expand turn-key whole-exome clinical diagnostic services.

The third was between Neopeutics and Felda Wellness Corporation, paving the way for the potential discovery of new therapeutic substances from traditional Malaysian medicines and Malaysian biodiversity for the international market.

FELDA Wellness will also collaborate with Gordagen in a project aimed at extracting a new compound from palm oil to create products for exercise endurance, heart health and glycaemic control.

The fifth exchange of documents, involving FELDA Wellness and Malaysian Genomics Resource Centre Bhd, is for a genome sequencing service for plants and a genetic screening service for humans known as Dtect, which screens DNA for known genetic markers associated with risks for diseases.

Each Dtect test is customised for a specific group of diseases, such as cardiovascular, metabolic and paediatric diseases, and the results can help manage health for the general population.

FELDA Wellness will also collaborate with data mining company Seeloz to help it identify market opportunities and expand operations globally, creating more jobs and bringing in economic benefits for Malaysia.

It will also collaborate with Seoul-based consulting firm Naerok in research and commercialisation of functional cosmeceutics in South Korea, which the company plans to make its manufacturing hub for the East Asia region.

The delegation, led by **Minister of Science, Technology and Innovation Datuk Dr. Ewon Ebin**, included Deputy Health Minister Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya, Sarawak Deputy Chief Minister Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang, officials from the Kedah, Sabah and Sarawak state governments, industry players, economic corridor development authorities and investment promotion agencies.

The mission was designed to explore investment and partnership opportunities with global players in the biomedical and bioindustrial sector and to position Malaysia as the prime hub for bioeconomy investment in Asia.

More than 150 global companies participated in the three locations in networking sessions and one-to-one partnering meetings.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (PANCAWARNA) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 29 JUN 2014 (AHAD)

» TUMPUAN

MUKADIMAH

OLEH AMIZUL TUNIZAR
AHMAD TERMIZI

FENOMENA El Nino dijangka melanda dunia termasuk Malaysia pada penghujung bulan ini. Ditambah faktor pemanasan global, serangan El Nino kali ini bakal menjadikan 2014 atau 2015 sebagai tahun paling panas dalam rekod.

Walaupun El Nino belum lagi melanda, tanda-tanda awal sudah kelihatan dengan suhu panas, taburan

hujan yang kurang dan keadaan udara berjerembu, memberikan petunjuk kepada kita bahawa musim kering sudah bermula.

Mengikut rekod, El Nino telah melanda negara sebanyak 12 kali sejak 1951-1952 dan kejadian yang paling teruk ialah pada 1997-1998 dengan suhu tertinggi iaitu 40.1 darjah Celsius direkodkan di **Stesen Meteorologi Chuping** pada 9 April 1998.

Pada tahun itu, sebahagian besar kawasan di negara ini mengalami cuaca kering dan panas serta berjerembu. Isu

paling mendapat liputan pada masa itu ialah krisis bekalan air di Lembah Klang. Di peringkat global pula, El Nino pada tahun tersebut menyebabkan kerugian dianggarkan berjumlah RMT12.6 bilion dan angka korban melebihi 23,000 orang.

Pancawarna minggu ini melihat kepada kesan-kesan yang dibawa oleh El Nino terhadap kehidupan masyarakat di negara ini. Ini kerana El Nino mempunyai kesan rantaian kepada manusia terutamanya dari segi kesihatan, bekalan air dan aktiviti manusia.



APAKAH EL NINO?

El Nino berasal daripada perkataan bahasa Sepanyol yang bermaksud 'anak lelaki'. Istilah tersebut pertama kali digunakan oleh nelayan di Peru sekitar 1800-an bagi merujuk kepada Jesus Christ kerana fenomena itu dikesan berlaku sekitar sambutan Krismas pada Disember.

Fenomena itu dikesan jauh lebih awal daripada La Nino kerana ia mempunyai kesan langsung terhadap nelayan di negara Amerika Selatan itu. Nelayan Peru mendapati sekitar Disember dan Januari, hampir tidak ada langsung ikan di lautan.

Secara mudahnya, El Nino merupakan fenomena pemanasan suhu permukaan air laut yang biasanya berlaku dalam tempoh enam hingga 18 bulan setiap dua hingga tujuh tahun di timur Lautan Pasifik berhampiran Peru. Namun, fenomena itu menyebabkan rantaian perubahan iklim di seluruh dunia.

Kejadian semula jadi itu berlaku apabila angin yang biasa bertiup dari kawasan Lautan Pasifik di benua Amerika Selatan menuju ke kawasan Australia dan negara-negara Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia dan Filipina. Keadaan itu menyebabkan berlaku cuaca panas dan kemarau serta kadar hujan yang sedikit di negara-negara berkenaan.

Pada masa sama, kawasan timur Lautan Pasifik yang merangkumi negara-negara Amerika Selatan seperti Peru, Chile, Argentina, Bolivia, Colombia, Ecuador dan Brazil akan menerima angin kencang yang mengakibatkan hujan lebat, ribut petir serta banjir besar.

Seringga kini, punca sebenar kejadian El Nino ini masih belum diketahui walaupun banyak kajian telah dibuat oleh pakar.

ANCAMAN EL NINO

KESAN EL NINO

■ KRISIS BEKALAN AIR

MUSIM kering akan menyebabkan penyusutan di kawasan tadahan air seperti empangan, tasik dan kolam disebabkan kadar sejatan yang tinggi dan tidak ada hujan. Pengalaman semasa El Nino melanda pada 1997-1998 sudah cukup memeritkan terutamanya bagi penduduk di Lembah Klang apabila kira-kira 1.8 juta orang terpaksa berhadapan dengan catuan air selama enam bulan.

Pada tahun ini, penduduk di Lembah Klang termasuk Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya terpaksa berhadapan catuan air berjadual secara berperingkat-peringkat kira-kira dua bulan bermula Mac hingga 30 April

lalu akibat kemerosotan paras air di empangan-empangan utama. Beberapa kawasan lain di Negeri Sembilan dan Johor turut mengalami masalah serupa akibat musim panas.

Baru-baru ini pun, susulan cuaca panas yang sedang dialami, permintaan bekalan air di Lembah Klang telah meningkat sehingga menyebabkan beberapa kolam mengalami penurunan paras air yang ketara. Keadaan itu mengakibatkan gangguan bekalan air di sekitar Hulu Langat dan Kuala Lumpur pada 17 dan 19 Jun lalu. Pada masa sama, rizab margin air terawat yang mampu dihasilkan oleh loji-loji rawatan air di Lembah Klang adalah kurang daripada dua peratus.

Bayangkan sekiranya El Nino yang kuat melanda sekarang dengan keadaan paras air di empangan dan loji rawatan yang rendah, negara berkemungkinan mengalami krisis air yang lebih teruk berbanding 1997-1998.

Pada 1998, sebanyak 4.2 juta pengguna di Lembah Klang terpaksa berkongsi 2,553 juta liter sehari tetapi kali ini, sebanyak 71 juta pengguna berkongsi 4,367 juta liter sehari.

Bagi menghadapi El Nino, semua rakyat perlu bekerjasama dengan menjimatkan penggunaan air dan tidak menggunakan air untuk aktiviti yang tidak perlu. Mereka juga perlu bersedia dengan membuat tadahan air bermula dari sekarang.



BANJIR antara kesan berantai fenomena El Nino.



SEKIRANYA tidak bersedia, El Nino kali ini mungkin boleh menyebabkan seluruh negara mengalami krisis bekalan air.

KERATAN AKHBAR

MINGGUAN MALAYSIA (PANCAWARNA) : MUKA SURAT 3

TARIKH : 29 JUN 2014 (AHAD)

■ AKTIVITI LUAR DAN EKONOMI

APABILA El Nino melanda, kegiatan harian manusia terjejas teruk dan secara tidak langsung memberikan kesan kepada ekonomi. Ketika kejadian El Nino pada 1997-1998, negara-negara di Asia Tenggara dilaporkan mengalami kerugian melebihi RM34 bilion.

Misalnya, jerebu serius yang berpunca daripada El Nino menyebabkan kualiti udara tidak sihat dan jarak penglihatan terhad. Kesannya, aktiviti luar perlu dikurangkan, sekolah ditutup, kedatangan pelancong terjejas serta sektor pengangkutan termasuk penerbangan tergendala. Secara tidak langsung, perniagaan turut menerima impak.

Dari segi pertanian pula, keadaan kemarau akan menjejaskan pengeluaran padi, buah-buahan serta sayur-sayuran yang amat bergantung pada air. Malah, industri kelapa sawit di rantau ini yang merupakan pengeluar terbesar di dunia boleh terjejas sehingga 15 peratus sekiranya El Nino berpanjangan. Industri berkaitan seperti bahan api bio, makanan, kosmetik sabun yang menggunakan minyak kelapa sawit dalam proses pengeluaran turut akan menerima tempias.

El Nino juga boleh menjejaskan ekosistem marin dengan memusnahkan plankton yang merupakan makanan utama kepada hidupan laut. Ini sudah tentu akan menjejaskan industri perikanan dan sumber protein utama kita. Apabila hasil berkurangan, sudah tentu harga ikan di pasaran juga meningkat.

Selain itu, industri yang memerlukan air sebagai bahan dalam proses pengeluaran produk seperti makanan dan minuman juga bakal menerima kesan besar sekiranya berlaku catuan bekalan air kerana kemarau berpanjangan.

Begitu juga dengan projek pembangunan akan menerima kesan sekiranya berlaku krisis air. Ini kerana industri pembinaan amat bergantung pada bekalan air yang stabil. Mengikut laporan, sebanyak 785 projek yang dikemukakan kepada kerajaan gagal diluluskan berikutan krisis bekalan air yang berlaku di sekitar Lembah Klang sehingga Mac lalu.

"Sekiranya masalah bekalan air tidak diatasi, ia akan menjejaskan industri kerana orang luar tidak berani datang melabur kerana salah satu keperluan asas tidak mencukupi," kata Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

■ KESIHATAN

PERUBAHAN suhu dan cuaca boleh mempengaruhi populasi dan kelakuan vektor nyamuk, sekali gus meningkatkan potensi jangkitan. Ini kerana keadaan cuaca yang lebih panas akan menyebabkan vektor nyamuk untuk hidup dan matang dengan lebih cepat serta memendekkan tempoh peneraman virus.

Menurut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, kesan pemanasan global turut meningkatkan kewujudan nyamuk di kawasan baharu, sekali gus menambah potensi epidemik sebanyak 31 hingga 47 peratus untuk denggi dan antara 12 hingga 27 peratus untuk malaria.


"Walaupun kajian mengaitkan faktor cuaca dengan denggi terbatas di Malaysia, tetapi secara umumnya perubahan pantas dalam suhu sekeliling dan kelembapan boleh

mempengaruhi vektor nyamuk.

"Beberapa kajian menunjukkan hubungan positif antara hujan yang turun dan denggi, masa hujan turun juga penting, sama dengan jumlah hujan yang turun," katanya.

Selain demam, penyakit lain seperti wabak taun, untut dan malaria boleh merebak disebabkan peningkatan suhu. Penyakit-peryakit ini sering menular ketika musim panas.

Di samping itu, jerebu yang menyebabkan pencemaran udara boleh mengundang penyakit berkaitan pernafasan seperti asma, radang paru-paru, sakit tekak, sakit mata, batuk dan selsemu. Semasa jerebu teruk melanda rantau ini pada 1997-1998, dilaporkan hampir 20 juta orang mengalami pernafasan teruk.



EL NINO MERUPAKAN FENOMENA PEMANASAN SUHU PERMUKAAN AIR LAUT YANG BIASANYA BERLAKU DALAM TEMPOH ENAM BULAN SEHINGGA 18 BULAN SETIAP DUA HINGGA TUJUH TAHUN DI TIMUR LAUTAN PASIFIK...



PELBAGAI wabak penyakit boleh menular semasa El Nino.

■ PENCEMARAN UDARA

SEMASA kejadian El Nino pada 1997-1998, cuaca panas dan kering yang melampau telah menyebabkan kebakaran hutan hampir 10 juta hektar di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia.

Puluhan ribu rakyat negara itu terpaksa menerima rawatan dan beratus-ratus kematian dilaporkan di Indonesia yang dipercayai berpunca daripada kemerosotan kualiti udara.

Kebakaran hutan di Indonesia turut mengundang pencemaran udara di negara-negara berjiran terutamanya Malaysia, Singapura dan Thailand. Dalam keadaan musim kering dengan taburan hujan yang sedikit atau tidak ada langsung, pencemaran tersebut akan menjadi lebih meruncing sehingga menyumbang kepada masalah jerebu.

Jerebu yang berlaku pada 1997-1998 di negara ini dianggap yang terburuk dalam sejarah sehingga hampir seluruh negara seolah-olah diselubungi asap. Bacaan indeks pencemaran udara (IPU) di sesetengah kawasan turut mencapai paras sangat berbahaya pada masa itu sehingga Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad terpaksa mengisytiharkan darurat. Dalam tempoh Ogos hingga Oktober 1997 sahaja, jerebu menyebabkan kerugian sebanyak RM802 juta kepada Malaysia.

